

PENDEKATAN SYARIAH DAN PRAKTIKALITI ZAKAT TERHADAP KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA (KWSP): SATU TINJAUAN DI MALAYSIA

SHARIAH APPROACH AND PRACTICALITY OF ZAKAT TOWARDS EMPLOYEES' SAVINGS FUND (EPF): A REVIEW IN MALAYSIA

Syazwani Abd Rahim ¹

Aemy Aziz ^{2*}

Siti Noor Ain Aziz ³

¹ Senior Lecturer, Academy of Contemporary Islamic Studies (ACIS), Universiti Teknologi MARA, Cawangan Johor Kampus Segamat. (E-mail: syazwanirahim@uitm.edu.my)

² *(Corresponding author). Lecturer, Academy of Contemporary Islamic Studies (ACIS), Universiti Teknologi MARA, Cawangan Johor Kampus Segamat. (E-mail: aemy@uitm.edu.my)

³ Lecturer, Academy of Contemporary Islamic Studies (ACIS), Universiti Teknologi MARA, Cawangan Johor Kampus Segamat. (E-mail: sitin308@uitm.edu.my)

Article history

Received date : 19-10-2024

Revised date : 20-10-2024

Accepted date : 25-10-2024

Published date : 15-2-2025

To cite this document:

Abd Rahim, S., Aziz, A., & Aziz, S. N. A. (2025). Pendekatan syariah dan praktikaliti zakat terhadap Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP): Satu tinjauan di Malaysia. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 10 (69), 270 - 283.

Abstrak: Kajian ini mengkaji pendekatan syariah dan praktikaliti zakat terhadap simpanan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) di Malaysia. Zakat adalah kewajipan agama dalam Islam yang penting, tetapi pelaksanaan zakat ke atas simpanan KWSP sering menimbulkan perdebatan serta cabaran praktikal. Pendekatan syariah menyediakan panduan mengenai kewajipan zakat terhadap harta, termasuk simpanan KWSP, namun terdapat variasi dalam interpretasi dan pengiraan zakat tersebut. Artikel ini menganalisis pandangan ulama tentang kewajipan zakat KWSP dan menilai cabaran praktikal yang dihadapi dalam pelaksanaannya, termasuk tahap kesedaran dan kepatuhan di kalangan pekerja Malaysia. Berdasarkan analisis data dan kajian kes, artikel ini mengidentifikasi kekeliruan dalam pengiraan zakat serta kekurangan pemahaman mengenai kewajipan ini di kalangan pekerja. Cadangan yang dikemukakan termasuk peningkatan pendidikan, penyediaan panduan yang lebih jelas, serta penggunaan teknologi dalam pengurusan zakat KWSP. Penemuan kajian ini diharapkan dapat memberikan panduan berguna untuk meningkatkan pelaksanaan zakat KWSP dan memperbaiki kepatuhan di Malaysia.

Kata kunci: Syariah, Zakat, KWSP, nisab, haul

Abstract: This study examines the sharia approach and the practicality of zakat to the Employee Provident Fund (EPF) savings in Malaysia. Zakat is an essential religious duty in Islam, but implementing zakat on EPF savings often raises debates and practical challenges. The shariah approach guides the obligation of zakat on property, including EPF savings, but

there are variations in the interpretation and calculation of the zakat. This article analyses the views of scholars on EPF zakat obligations and assesses the practical challenges faced in its implementation, including the level of awareness and compliance among Malaysian workers. Based on data analysis and case studies, this article identifies confusion in calculating zakat and a lack of understanding of this obligation among workers. The suggestions include improving education, providing precise guidelines, and using technology in EPF zakat management. The findings of this study are expected to provide helpful guidance to improve the implementation of EPF zakat and improve compliance in Malaysia.

Keywords: Shariah, Zakat, EPF, nisab, haul.

Pendahuluan

Zakat adalah salah satu daripada lima rukun Islam yang merupakan kewajipan ke atas setiap umat Islam. Pengeluaran zakat bukan hanya bertujuan untuk membersihkan harta, tetapi juga untuk menolong golongan yang memerlukan dan mendidik rasa prihatin dalam diri masyarakat. Dalam konteks Malaysia, pelaksanaan zakat telah menjadi aspek penting dalam sistem kewangan Islam, dengan pelbagai institusi dan organisasi menyediakan mekanisme untuk memastikan pengagihan zakat yang efektif dan adil (Yusuf Qardhawi, 2005). Pelbagai isu berkaitan zakat yang memerlukan kefahaman dan penghayatan mendalam tentang metodologi hukum Syariah dalam mengeluarkan hukum yang tepat. Penetapan hukum berkaitan zakat juga telah diputuskan oleh jawatankuasa fatwa negeri-negeri, dan terdapat keputusan fatwa yang telah diwartakan sehingga menjadi undang-undang (Mohamed Shaarani, et. al, 2020; Rosele & Abdullah, 2021). Sementara itu, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) adalah satu sistem penting yang memfasilitasi simpanan dan perlindungan kewangan bagi pekerja di Malaysia. Ditubuhkan dengan matlamat untuk menyediakan simpanan persaraan yang selamat bagi pekerja sektor swasta dan awam, KWSP turut memainkan peranan besar dalam pengurusan kewangan peribadi rakyat Malaysia (Abdullah & Rosele, 2019).

Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) adalah sebuah institusi keselamatan sosial yang ditubuhkan di bawah Undang-Undang Malaysia (Akta 452) untuk memberikan faedah persaraan kepada pencarumnya melalui pengurusan simpanan yang berkesan dan boleh dipercayai. KWSP juga menyediakan sistem yang efisien dan mudah bagi membolehkan majikan melaksanakan tanggungjawab undang-undang mereka untuk mencarum bagi pekerja. Sebelum pengenalan akaun KWSP Syariah pada tahun 2017, KWSP telah mengumumkan bahawa pelaburan yang dibuat adalah bercampur antara halal dan haram. Namun, hukum mencarum di KWSP menyatakan bahawa pencarum tidak berdosa, kerana caruman tersebut pada dasarnya adalah tabungan dan simpanan wajib. Menurut Syariah, hubungan antara pencarum dan KWSP adalah sebagai simpanan biasa, bukan sebagai penanam modal. Oleh itu, caruman yang dibuat oleh pencarum adalah dalam bentuk simpanan di Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (sumber: website KWSP; Abdul Hamid Chin, 2022).

Namun, satu aspek yang sering menjadi perdebatan adalah amalan zakat terhadap simpanan KWSP. Sejak beberapa tahun kebelakangan ini, isu ini telah menarik perhatian ramai kerana ia melibatkan pelbagai pandangan dari sudut hukum Islam dan praktikaliti dalam pengurusan zakat. Dengan jumlah simpanan KWSP yang semakin meningkat dan peranan zakat dalam menyokong golongan yang memerlukan, penting untuk memahami bagaimana zakat

seharusnya dikenakan ke atas simpanan KWSP dan bagaimana pelaksanaannya mempengaruhi masyarakat.

Oleh itu, objektif artikel ini bertujuan untuk:

1. Meneliti amalan zakat ke atas KWSP di Malaysia dengan mengkaji panduan syarak, pandangan ulama, dan pelaksanaan zakat di Malaysia.
2. Mengenal pasti cabaran dan isu yang dihadapi dalam pelaksanaannya.

Melalui tinjauan ini, diharapkan dapat memberikan gambaran yang jelas tentang amalan zakat KWSP dan mencadangkan langkah-langkah untuk meningkatkan kesedaran serta kepatuhan di kalangan umat Islam di Malaysia.

Kajian Lepas

Pendekatan syariah terhadap zakat KWSP

Menurut Abdul Hamid Chin (2022), pada tahun 2017, KWSP memperkenalkan skim simpanan pekerja yang patuh Syariah. Akaun simpanan Syariah ini merupakan pelaburan yang berlandaskan prinsip Syariah, di mana pulangan ditentukan oleh prestasi pelaburan tersebut. Jika keuntungan dicatatkan, ia akan dibahagikan antara semua pelabur. Sebaliknya, sebarang kerugian akan ditanggung secara bersama oleh semua pencarum. Simpanan Syariah ini menggunakan konsep wakalah, di mana KWSP bertindak sebagai wakil untuk mengelola pelaburan pencarum dalam portfolio yang telah diluluskan oleh Jawatankuasa Penasihat Syariah KWSP. Apabila pelaburan ini dikeluarkan, keuntungan yang diperoleh akan diagihkan kepada pencarum tanpa perlu disucikan. Tambahan pula pulangan yang diagihkan bebas daripada unsur yang melanggar syarak seperti riba, ketidaktentuan (gharar), dan judi (maysir), serta pelaburan yang tidak patuh Syariah, seperti arak. Walau bagaimanapun, pencarum perlu mengambil inisiatif untuk menyucikan dividen lama yang haram, iaitu yang diperoleh sebelum tahun 2017 mengikut cara yang telah disarankan.

Dalam perspektif syariah, zakat merupakan kewajipan yang dikenakan ke atas harta yang dimiliki oleh individu apabila harta tersebut memenuhi syarat tertentu seperti *nisab* dan *haul*. *Nisab* merujuk kepada jumlah minimum harta yang perlu dimiliki sebelum zakat diwajibkan, manakala *haul* adalah tempoh masa satu tahun hijrah yang perlu dilalui sebelum zakat dikenakan ke atas harta tersebut. Oleh itu, harta yang dimiliki yang dikumpulkan bersama akan dikenakan zakat secara kolektif seperti zakat diwajibakan ke atas harta yang dipunyai oleh seseorang individu yang telah mencukupi kadar *nisab* dan *haul* (al-Shirazi, 1996; Mohamed Shaarani et. al, 2020).

Menurut pandangan majoriti ulama, zakat adalah wajib ke atas simpanan yang telah mencapai *nisab* dan melepassi tempoh *haul*. Dalam hal KWSP, walaupun ia merupakan simpanan jangka panjang, sebahagian ulama berpendapat bahawa zakat perlu dikeluarkan apabila simpanan tersebut memenuhi kriteria *nisab* dan telah melalui tempoh *haul* yang ditetapkan. Sebagai contoh, jika simpanan KWSP digunakan untuk pelaburan yang menghasilkan keuntungan, zakat perlu dikenakan ke atas keuntungan tersebut (Abdullah, et al., 2023). Jika simpanan KWSP diinvestasikan dalam instrumen kewangan yang menghasilkan keuntungan, zakat dikenakan ke atas keuntungan yang diperoleh daripada pelaburan tersebut. Dalam konteks ini, zakat yang dikenakan adalah zakat *maal* (harta), yang meliputi semua jenis harta dan pendapatan yang dimiliki oleh individu. Kadar zakat untuk harta ini adalah sebanyak 2.5%

daripada jumlah simpanan yang layak dikenakan zakat setelah ditolak sebarang hutang atau liabiliti yang perlu dibayar.

Pendekatan syariah terhadap zakat KWSP memerlukan pertimbangan yang teliti berdasarkan kriteria syarak seperti nisab dan haul. Ini penting untuk pelaksanaan zakat yang sesuai dalam konteks simpanan jangka panjang dan pelaburan yang dilakukan oleh pencarum. Walaupun pandangan ulama mungkin berbeza, prinsip umum menyatakan bahawa zakat perlu dikeluarkan ke atas simpanan yang memenuhi syarat tersebut, terutama apabila pencarum mula mengeluarkan wang. Menurut Rosele et al. (2017), adalah diharuskan untuk menyegerakan pembayaran zakat sebelum tiba haul, asalkan harta tersebut mencukupi nisab terlebih dahulu. Untuk lebih memahami perbezaan antara simpanan Syariah dan simpanan konvensional, rujuk kepada Jadual 1. Perlu diingat bahawa pendaftaran akaun KWSP Syariah bermula pada 8 Ogos 2016 dan berkuat kuasa mulai 1 Januari 2017.

Jadual 1: Perbezaan Utama Antara Simpanan Syariah Dan Simpanan Konvensional

S I M P A N A N S H A R I A H

Tarikh mula pendaftaran : **08.08.2016**
 Tarikh KUATKUASA : **01.01.2017**



CIRI-CIRI	SIMPANAN KONVENTSIONAL	SIMPANAN SHARIAH
KEAHLIAN	Terbuka kepada semua yang wajib mencarum <i>tanpa mengira AGAMA, BANGSA dan STATUS WARGANEGARA.</i>	
AKAD	Tidak tertakluk kepada sebarang Akad.	Akaun diurus dan dilaburkan berdasarkan <i>Akad Wakalah.</i>
KADAR DIVIDEN	Berdasarkan prestasi sebenar dan tidak kurang 2.5% setahun.	Berdasarkan prestasi sebenar pelaburan patuh syariah dan <i>tiada kadar minimum dividen.</i>
PERAKUAN PENASIHAT SHARIAH	Tidak tertakluk kepada perakuan JKPS.	Simpanan Shariah diperakuan oleh JKPS
PERTUKARAN AKAUN	Boleh memilih Simpanan Shariah.	Tidak boleh memilih untuk kembali ke Simpanan Konvensional.

Sumber: Laman Web KWSP

Kewajiban zakat KWSP: Sebuah perdebatan nisab dan haul

Dalam fiqh, zakat dikenakan ke atas harta yang dimiliki secara penuh oleh seseorang. Oleh kerana simpanan KWSP tidak dapat dikeluarkan secara bebas oleh ahli, persoalan timbul adakah ahli memiliki simpanan ini sepenuhnya? Sebahagian ulama berpendapat bahawa simpanan KWSP hanya wajib dizakatkan apabila ahli layak mengeluarkannya, seperti selepas bersara. Mereka berpendapat bahawa simpanan ini tidak memenuhi syarat haul (pemilikan selama setahun) kerana ia tidak berada di bawah kawalan penuh pemilik (Muhammad Sabir, 2020).

Sebaliknya, ada ulama yang berpendapat bahawa walaupun simpanan KWSP tidak boleh dikeluarkan, ia masih dianggap sebagai harta yang berpotensi untuk berkembang dan oleh itu, zakat tetap perlu dibayar setiap tahun berdasarkan jumlah semasa simpanan. Pendekatan ini menyarankan bahawa simpanan KWSP, seperti pelaburan lain, harus dianggap sebagai aset yang memerlukan pembayaran zakat secara tahunan (Sabri, & Haron, 2016).

Dalam konteks hukum zakat KWSP, isu nisab dan haul menjadi fokus perbahasan. Nisab merujuk kepada jumlah minimum yang menentukan kewajiban zakat, manakala haul adalah tempoh satu tahun yang diperlukan untuk memiliki harta sebelum zakat dikenakan. Untuk simpanan KWSP, ahli tidak mempunyai kawalan penuh ke atas harta ini sebelum mencapai usia persaraan, menjadikan haul tidak bermula sehingga simpanan tersebut dikeluarkan. Ini menimbulkan persoalan: bila seharusnya zakat dibayar? Adakah ketika ahli layak mengeluarkan simpanan, atau semasa simpanan bertambah dari tahun ke tahun? (Asharaf, 2018).

Menurut Mufti Wilayah Persekutuan (2018), zakat wang simpanan adalah zakat yang dibayar oleh pendeposit apabila simpanan telah cukup haul (genap setahun) dan mencapai nisab, sama ada dalam akaun simpanan biasa, akaun simpanan tetap, simpanan semasa, amanah saham, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (EPF), atau lain-lain bentuk simpanan.

Rasulullah SAW bersabda:

{لَيْسَ فِيمَا دُونَ حَمْسَى أَوْ أَقِ مِنَ الْوَرَقِ صَدَقَةً}

Maksudnya: “Tidak wajib zakat perak jika jumlahnya kurang daripada lima Uqiyah (40 dirham).”

Riwayat al-Bukhari (1459) dan Muslim (980)

Pengarang al-Fiqh al-Manhaji berkata: Tidak dikenakan zakat pada emas sehingga jumlahnya 20 mithqal, manakala perak pula 200 Dirham. Ini berdasarkan hadith daripada Ali bin Abu Talib RA, Rasulullah SAW bersabda Rasulullah SAW juga bersabda:

{إِذَا كَانَتْ لَكَ مِائَةً دِرْهَمٍ، وَحَالَ عَلَيْهَا الْحَوْلُ، فَفِيهَا خَمْسَةُ دَرَاهِمٍ، وَلَيْسَ عَلَيْكَ شَيْءٌ يُعْنِي فِي الدَّرَاهِمِ حَتَّى يَكُونَ لَكَ عِشْرُونَ دِينَارًا فَإِذَا كَانَ لَكَ عِشْرُونَ دِينَارًا، وَحَالَ عَلَيْهَا الْحَوْلُ، فَفِيهَا نَصْفُ دِينَارٍ، فَمَا زَادَ فَإِجْسَابُ ذَلِكَ}

Maksudnya: “Apabila kamu memiliki 200 dirham, dan telah cukup setahun zakatnya sebanyak 5 dirham. Kamu tidak wajib berzakat emas sehinggalah memiliki 20 dinar. Apabila kamu memiliki 20 dinar, dan telah cukup setahun, maka zakatnya 1/2 dinar. Jika kamu memiliki lebih daripada itu, maka ikutilah cara pengiraan tersebut.”

Riwayat Abu Daud (1573)

Berdasarkan hadis kadar zakat emas dan perak jika dikira ialah sebanyak 2.5%.

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif untuk menganalisis isu zakat terhadap simpanan KWSP di Malaysia. Pengumpulan data melibatkan beberapa kaedah utama: pertama, kajian kepustakaan melalui rujukan buku, artikel, jurnal, dan laporan fatwa terkini untuk memahami konsep zakat, syarat nisab dan haul, serta aplikasi Syariah ke atas simpanan KWSP. Kedua,

analisis dokumen ke atas sumber rasmi seperti panduan KWSP Syariah, garis panduan dari institusi zakat, dan laman web rasmi Majlis Fatwa Kebangsaan.

Selain itu, kajian ini turut melaksanakan temubual mendalam bersama pakar zakat dan ulama untuk mendapatkan pandangan mereka tentang kewajiban zakat ke atas KWSP serta cabaran dalam pelaksanaannya.

Data yang diperoleh dianalisis menggunakan analisis kandungan, di mana tema utama seperti nisab, haul, dan kewajiban zakat ke atas simpanan KWSP dikenalpasti. Perbandingan fatwa dilakukan antara negeri-negeri untuk memahami variasi pendekatan hukum terhadap zakat KWSP. Untuk memastikan kesahihan data, triangulasi digunakan dengan membandingkan data daripada kajian literatur, dokumen rasmi, dan hasil temubual.

Pendekatan ini menyediakan analisis menyeluruh dan cadangan yang kukuh untuk pelaksanaan zakat KWSP di Malaysia, berdasarkan dalil Syariah dan pandangan pakar.

Perbincangan fatwa berkaitan zakat KWSP negeri-negeri di Malaysia

Terdapat beberapa perbahasan fatwa daripada beberapa negeri di Malaysia yang membahaskan berkenaan zakat KWSP. Di Malaysia, selain jawatankuasa fatwa peringkat negeri, terdapat juga jawatankuasa peringkat kebangsaan. Ia berperanan khusus tentang fatwa atau hukum Syarak, iaitu Jawatankuasa Muzakarah Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (JMMKBHEUIM). Ia berfungsi sebagai sebuah institusi peringkat kebangsaan di Malaysia dalam rangka menyelaraskan keputusan fatwa di seluruh negara (Yasin, 2007). Keputusan yang diperbahaskan dalam JMMKBHEUIM perlu didiskusikan semula di setiap institusi fatwa negeri sama ada perlu difatwakan atau tidak. Fatwa di Malaysia juga terbahagi kepada dua iaitu fatwa yang diwartakan dan fatwa yang tidak diwartakan. Fatwa yang diwartakan adalah fatwa yang diputuskan oleh mufti atau jawatankuasa fatwa. Fatwa yang diwartakan di sesebuah negeri akan menjadi undang-undang dan mengikat setiap orang Islam yang berada di negeri tersebut (Buang & Hambali, 2004; Abdullah & Rosele, 2019).

Jadual 2: Perbincangan Fatwa Negeri-negeri di Malaysia

	Negeri	Fatwa
1	Wilayah Persekutuan	<p>Menurut Mufti Wilayah Persekutuan, zakat simpanan (2.5%) seperti mana zakat emas dan perak dan diambil kira baki terendah dalam simpanan seseorang yang telah cukup syarat-syaratnya. Manakala untuk pembayaran zakat KWSP, pihak MAIWP bersetuju dengan keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia kali ke-5 dan kali ke-74 yang menyatakan pandangan hukum seperti berikut:</p> <p>(i) <i>"Wang simpanan KWSP wajib dikeluarkan bagi pekerja-pekerja Islam sebagai zakat bila cukup haulnya iaitu setahun setelah penerimaannya."</i></p> <p>(ii) <i>Pencarum KSWP digalakkan mengeluarkan zakat sejurus menerima wang KWSP jika cukup nisabnya tanpa menunggu haul setahun."</i></p>

		<p>Menurut Mesyuarat Jawatankuasa Perundingan Hukum Syarak Wilayah Persekutuan kali ke-120, bagi skim pengeluaran yang memenuhi syarat <i>milk al-taam</i> dan bukan bagi tujuan perbelanjaan <i>hajah asliyah</i> serta tiada had pengeluaran seperti pengeluaran simpanan melebihi RM1 Juta, pengeluaran umur 50 tahun, pengeluaran umur 55 tahun, pengeluaran umur 60 tahun, pengeluaran meninggalkan negara, dan pengeluaran pekerja berpencen dan pesara pilihan. Pengeluaran ini adalah diwajibkan zakat ke atas keseluruhan jumlah yang boleh dikeluarkan pada kadar 2.5% tertakluk kepada nisab tanpa perlu menunggu haul. Manakala baki simpanan KWSP dalam kategori ini yang tidak dikeluarkan selepas setahun (<i>haul</i>), adalah tertakluk kepada hukum zakat simpanan berdasarkan baki wang simpanan yang telah genap setahun (<i>haul</i>) sekiranya mencapai nisab.</p>
2	Pahang	<p>Merujuk kepada Majlis Ugama Islam Pahang (2022), keputusan Mesyuarat Perundingan Hukum Syarak Negeri Pahang 1/2021, telah memutuskan zakat KWSP adalah wajib ke atas umat Islam apabila simpanan yang dikeluarkan mencukupi nisab, milik sempurna (<i>milk al-taam</i>) dan bukan pengeluaran berkaitan keperluan asasi (<i>Hajah Asliyah</i>). Zakat KWSP hendaklah dibayar selepas penerimaan secara serta merta tanpa menunggu haul satu tahun berdasarkan kaedah zakat <i>Mal al-Mustafad</i>. Ahli beragama Islam yang tidak mengeluarkan sepenuhnya simpanan yang boleh dikeluarkan, baki simpanan tersebut adalah tertakluk kepada zakat wang simpanan berdasarkan syarat-syarat zakat tersebut.</p> <p>Sarjana keempat-empat mazhab menetapkan bahawa zakat terhadap <i>al-mal al-mustafad</i> adalah wajib. Fuqaha Hanafi, Maliki dan Hanbali tidak mensyaratkan haul ke atas zakat <i>al-mal mustafad</i>. Ini bererti zakat <i>al-mal mustafad</i> wajib dikeluarkan setelah cukup nisab walaupun tidak cukup haul. Namun, jika pendapatan <i>al-mal mustafad</i> tidak cukup nisab, maka pendapatan tersebut sewajibnya dikumpulkan hingga akhir haul untuk mencukupkan nisabnya.</p>
3	Selangor	<p>Memetik sumber dari Zakat Selangor, seksyen 47 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 [En. 1/2003], Jawatankuasa Fatwa bagi Negeri Selangor, atas perintah Sultan telah menyediakan fatwa yang dinyatakan dalam jadual dan disiarkan menurut subseksyen 48(6) Enakmen itu. Pencarum KWSP digalakkan mengeluarkan zakat sejurus menerima atau mengeluarkan wang KWSP tersebut jika cukup nisabnya tanpa menunggu cukup haul setahun.</p> <p>Manakala Jawatankuasa Perundingan Hukum Syarak Negeri Selangor pula telah memutuskan:</p>

		<p><i>“(i) apabila menerima wang KWSP, seseorang hendaklah menunggu setahun bagi mencukupi haul barulah dikeluarkan zakat 2.5%; atau</i></p> <p><i>(ii) apabila menerima wang KWSP, seseorang bolehlah terus mengeluarkan zakat 2.5% tanpa menunggu tempoh setahun kerana dikhuatiri wang tersebut akan berkurangan dari segi nisabnya yang tidak wajib dikenakan zakat lagi.”</i></p>
4	Terengganu	<p>Fatwa ini telah diputuskan dan diwartakan pada 30 Ogos 2001. Jawatankuasa Fatwa Negeri Terengganu telah memutuskan bahawa zakat KWSP perlu dilaksanakan setelah ia diterima dan melalui haul setahun, teks fatwa adalah sebagaimana berikut:</p> <p><i>“Jawatankuasa berpendapat bahawa wang Kumpulan Wang Simpanan Pekerja diwajibkan zakat apabila pekerja berkenaan menerima wang carumannya dan carumannya itu cukup nisab dan sampai haul dikira bermula daripada tarikh pekerja berkenaan menerima wang caruman itu.”</i></p> <p>Walau bagaimanapun, fatwa Jawatankuasa Fatwa Negeri Terengganu ini tidak diwartakan. Keputusan fatwa negeri Terengganu tersebut dilihat berbeza dengan fatwa yang diputuskan di negeri Johor dan Selangor.</p>
5	Johor	<p>Jawatankuasa Fatwa Negeri Johor pada 14 Jun 2012 telah memutuskan:</p> <p><i>“Pencaruman kumpulan wang simpanan pekerja (KWSP) adalah diharuskan mengeluarkan zakat sejurus menerima atau mengeluarkan kumpulan wang simpanan pekerja (KWSP) tersebut jika cukup nisabnya tanpa menunggu haul setahun.”</i></p>
6	Perlis	<p>Fatwa zakat KWSP di negeri Perlis sedikit berbeza dengan fatwa-fatwa negeri lain dan MJFMK. Jawatankuasa Syariah Negeri Perlis telah memutuskan bahawa:</p> <p><i>“Wang Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) seperti yang berkuatkuasa sekarang ini tidak diwajibkan zakat ke atas pencarumannya kerana wang tersebut bukan milik sempurna bagi pencarum.”</i></p> <p>Selanjutnya, Jawatankuasa Syariah Negeri Perlis memberikan penjelasan dan kaedah untuk mengenakan zakat bagi wang KWSP sebagaimana berikut:</p> <p><i>“Oleh kerana jumlah wang tersimpan dalam KWSP adalah melebihi nisab dan mencukupi haul maka ianya tetaplah wajib zakat. Oleh itu Jawatankuasa Syariah berpendapat pihak KWSP</i></p>

		<i>bertanggungjawab mengeluarkan zakat bagi pihak pencarum-pencarum Islam sepetimana yang diamalkan oleh Lembaga Urusan dan Tabung Haji.”</i>
7	Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan (MJFMK)	<p>KeputusanMuzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan (MJFMK) kali ke-74 yang bersidang pada 25-27 Julai 2006 yang memutuskan bahawa:</p> <p><i>“Mazhab Syafie menetapkan bahawa zakat harta wajib dikeluarkan apabila cukup nisab dan tempoh haulnya. Wang KWSP adalah harta simpanan. Wang KWSP apabila dikeluarkan adalah diwajibkan zakat apabila sempurna kedua-dua syarat iaitu cukup nisab dan haul yang ditetapkan. Walau bagaimanapun Jumhur Ulama’ berpandangan bahawa zakat harta boleh dikeluarkan lebih awal daripada waktu yang sepatutnya dengan syarat harta tersebut telah mencukupi nisabnya.”</i></p>

Sumber: Abdullah dan Rosele (2019)

Dalam penentuan zakat ke atas simpanan KWSP, syarat pertama yang wajib dipatuhi ialah milik sempurna (*al-milk al-tam*). Ulama empat mazhab bersepakat bahawa pemilikan sempurna ke atas harta merupakan syarat wajib zakat. Ia juga merujuk kepada pemilikan terhadap dua aspek iaitu benda dan manfaat. Para ulama juga mengistilahkan pemilikan sempurna sebagai memenuhi pemilikan *al-yad* (harta berada dalam tangan) dan pemilikan *al-raqabah* (harta dibawah kuasa dan kawal selia) (Abdullah dan Rosele, 2019).

Jadual 3: Keputusan Fatwa Zakat KWSP di Malaysia

Bil.	Negeri	Tajuk Fatwa	Tahun	Status Pewartaan
1.	Johor	Pengeluaran Zakat Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)	1970	Tidak diwartakan
2.		Zakat KWSP, wajib atau tidak?	2008	Diwartakan
3.		Keharusan Bayaran Zakat Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) Sejurus Pengeluaran Atau Penerimaan	2012	
4.		Pengeluaran Zakat Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)	2012	Tidak diwartakan
5.	Terengganu	Zakat Wang KWSP	1993	
6.	Selangor	Fatwa Tentang Kaedah Pembayaran Zakat KWSP	2001	Diwartakan
7.		Bayaran Zakat Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) Sejurus Pengeluaran – Satu Alternatif	1970	Diwartakan (pada tahun 2007)
8.		Menentukan Satu Kaedah Tetap Bagi Zakat KWSP	2001	Diwartakan
9.	Sarawak	Zakat Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) Sejurus Pengeluaran - Satu Alternatif	2007	
10.	Perlis	Adakah Wang KWSP Wajib Dikeluarkan Zakat	-	
11.	MJFMK	Bayaran Zakat Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) Sejurus Pengeluaran - Satu Alternatif	2006	
12.		Zakat Wang KWSP	1982	

Sumber: Abdullah dan Rosele (2019)

Al-Zabidi (2009) menerangkan konsep pemilikan sempurna (*milk al-taam*) sebagai apa yang ada padanya kuasa memiliki dan kuasa mengurus ke atas harta tersebut. Seandainya wujud kuasa milik tanpa kuasa mengurus seperti memiliki barang belian sebelum penyerahan, dan mahar sebelum penyerahan atau mempunyai kuasa mengurus tetapi tiada kuasa milik seperti hamba al-mukatab dan hutang maka tidak wajib untuk dizakatkan.

Cabarani praktikaliti dalam pelaksanaan zakat KWSP

Kesedaran dan Kemahaman Masyarakat

Kajian menunjukkan bahawa ramai ahli KWSP tidak memahami dengan jelas kewajiban zakat ke atas simpanan mereka. Ketidakpastian mengenai bila dan bagaimana zakat perlu dikeluarkan menambah kekeliruan. Kekurangan pendedahan tentang isu ini juga menyukarkan masyarakat, terutama golongan pekerja yang mungkin kurang arif mengenai hal-hal syariah dan kewangan Islam, untuk mematuhi kewajiban zakat. Di samping itu, masih terdapat ramai ahli KWSP yang beragama Islam tetapi terus mencarum dalam akaun konvensional, meskipun terdapat pilihan untuk beralih kepada akaun KWSP Syariah (Abdul Wahid & Abdullah, 2017). Merujuk kepada Zaharuddin Abd Rahman (2024), daripada 8,882,184 pencarum Muslim di KWSP, hanya 1,785,250 orang atau 20.1% yang telah berpindah ke simpanan Syariah. Bagi pencarum yang masih menyimpan dalam simpanan konvensional, adalah penting untuk melakukan penyucian dividen bagi memastikan harta mereka bersih.

Penyucian Dividen Ahli/Pencarum KWSP Beragama Islam

Dividen Simpanan Konvensional yang diperolehi daripada pelaburan konvensional perlu disucikan seperti yang diputuskan di dalam Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan ke-87 Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia seperti berikut:

“Di dalam Islam harta-harta yang diperolehi dengan cara yang tidak mematuhi syariah seperti riba', gharar, perjudian, penipuan, rompakan, rampasan, rasuah dan seumpamanya adalah haram dan tidak boleh digunakan untuk manfaat dan kepentingan diri sendiri serta perlu dibersihkan melalui kaedah-kaedah berikut:

- (a) *Diserah kepada Baitulmal untuk maslahah-maslahah umum umat Islam seperti membiayai pembinaan atau penyelenggaraan jambatan, jalan, tandas dan seumpamanya;*
- (b) *Diserah kepada golongan fakir miskin”.*

Merujuk laman web rasmi KWSP, penyucian dividen hanya diperlukan untuk dividen simpanan konvensional yang dikreditkan sebelum ahli bertukar ke simpanan Syariah. Sebagai contoh, jika seorang ahli mendaftar dengan KWSP pada tahun 2017 dan beralih ke simpanan Syariah pada tahun 2023, penyucian dividen hanya perlu dilakukan bagi dividen yang diterima antara tahun 2017 hingga 2022. Penyucian dividen boleh dilaksanakan menggunakan simpanan KWSP yang layak dikeluarkan atau sumber kewangan lain yang dimiliki oleh pencarum. Dividen yang diterima sebelum pengenalan akaun KWSP Syariah dikecualikan daripada penyucian, kerana Jawatankuasa Penasihat Syariah KWSP (JKPS) berpendapat bahawa pencarum tidak mempunyai Haq Tasarruf, iaitu hak untuk memilih pengurusan simpanan mereka menurut prinsip Syariah, memandangkan tiada pilihan akaun patuh Syariah pada waktu itu. Walau bagaimanapun, bagi ahli yang baru berpindah ke simpanan Syariah pada tahun 2022 atau 2023, dividen simpanan konvensional pada tahun 2023 juga dikecualikan daripada penyucian. Ini kerana tarikh berkuat kuasa untuk simpanan Syariah ditetapkan pada 1 Januari 2024 atau 1 Januari 2025. JKPS berpendapat bahawa tarikh kuat kuasa tersebut adalah di luar bidang kuasa ahli. Jadual 5 menunjukkan jumlah penyucian dividen bagi tahun-tahun selepas akaun syariah diperkenalkan.

Jadual 5: Dividen KWSP dan Jumlah Penyucian Dividen Tidak Patuh Syariah

Tahun	Dividen KWSP Syariah	Dividen KWSP konvensional	Jumlah Penyucian Dividen [%]
2023	5.40	5.50	69%
2022	4.75	5.35	73%
2021	5.65	6.10	69%
2020	4.90	5.20	69%
2019	5.00	5.45	71%
2018	5.90	6.15	68%
2017	6.40	6.90	64%
2016	-	5.70	-
2015	-	6.40	-

Sumber: Laman web KWSP

Kaedah Pengiraan dan Pelaksanaan Zakat

Proses pengiraan zakat ke atas simpanan KWSP juga menimbulkan cabaran. Simpanan KWSP adalah dinamik, ia bertambah dengan caruman bulanan serta pulangan pelaburan. Oleh itu, untuk memudahkan ahli dalam mengira jumlah zakat, satu sistem pengiraan yang lebih praktikal perlu diperkenalkan. Mekanisme automasi boleh menyediakan peranan penting di sini, di mana badan zakat atau KWSP boleh menyediakan maklumat zakat yang tepat kepada ahli berdasarkan jumlah simpanan terkini.

Formula 1(Akaun Syariah):

$$\text{JUMLAH PENGELUARAN} \times 2.5\% = \text{Nilai Zakat KWSP}$$

Formula 2(Akaun Konvensional):

$$(\text{JUMLAH PENGELUARAN} - \% \text{ PENYUCIAN DIVIDEN SETIAP TAHUN BERMULA 2017}) \times 2.5\% = \text{Nilai Zakat KWSP}$$

Cadangan penambahbaikan dalam pembayaran zakat KWSP

Pendidikan dan Kesedaran

Pihak berwajib seperti Lembaga Zakat dan KWSP perlu mengambil langkah proaktif dalam meningkatkan kesedaran masyarakat tentang kewajiban zakat KWSP. Ini boleh dilakukan melalui kempen pendidikan zakat di media sosial, seminar awam, ceramah agama, dan program pendidikan di masjid. Langkah-langkah ini bukan sahaja boleh meningkatkan kesedaran tetapi juga memberi panduan yang lebih jelas kepada umat Islam tentang tanggungjawab zakat mereka.

Sistem Automasi untuk Pengiraan Zakat KWSP

Cadangan untuk memperkenalkan sistem automasi dalam pengiraan zakat KWSP boleh mempermudahkan ahli untuk mengetahui jumlah zakat yang perlu dikeluarkan. Sistem ini boleh menyediakan maklumat tahunan kepada ahli KWSP tentang jumlah simpanan mereka yang layak dikenakan zakat dan jumlah zakat yang perlu dibayar. Pendekatan ini boleh membantu memastikan zakat dibayar dengan lebih teratur dan tepat.

Berikan Garis Panduan yang Jelas Mengenai Zakat KWSP

Dalam usaha untuk mempertingkatkan pelaksanaan pembayaran zakat KWSP di Malaysia, beberapa cadangan penambahbaikan boleh dipertimbangkan. Pihak KWSP boleh menyediakan garis panduan yang lebih terperinci berkenaan pembayaran zakat ke atas simpanan KWSP bagi memudahkan pencarum memahami tanggungjawab mereka. Ini termasuk memberi penjelasan tentang waktu dan jumlah zakat yang perlu dibayar berdasarkan konsep nisab dan haul yang lebih jelas. Penetapan ini dapat mengurangkan kekeliruan yang sering timbul dalam kalangan pencarum tentang waktu sebenar zakat perlu dibayar, sama ada semasa pengeluaran atau selepas mencapai tempoh tertentu (Majlis Fatwa Kebangsaan).

Penyelarasian Fatwa di antara Negeri-negeri di Malaysia

Selain itu, perlu adanya penyelarasian fatwa di antara negeri-negeri di Malaysia bagi memastikan keseragaman dalam pelaksanaan zakat KWSP. Terdapat perbezaan dalam fatwa berkaitan zakat KWSP antara negeri-negeri seperti Johor, Terengganu, dan Selangor. Dengan adanya satu keputusan fatwa yang seragam dan diselaraskan oleh Majlis Fatwa Kebangsaan,

proses pembayaran zakat KWSP boleh dijadikan lebih lancar dan konsisten di seluruh negara (Majlis Fatwa Kebangsaan).

Kesimpulan

Pendekatan syariah dan cabaran praktikal dalam melaksanakan zakat KWSP memerlukan penilaian yang mendalam. Kajian ini menekankan bahawa perlu ada pendekatan yang holistik dalam meningkatkan kesedaran serta menyediakan mekanisme yang memudahkan umat Islam di Malaysia untuk melaksanakan kewajiban zakat mereka dengan betul. Dengan langkah-langkah penambahbaikan seperti pendidikan masyarakat dan pengenalan sistem automasi pengiraan zakat, Malaysia dapat bergerak ke arah meningkatkan pematuhan zakat dan seterusnya memastikan sistem zakat berfungsi dengan lebih efektif dalam membantu golongan yang memerlukan.

Penghargaan

Kajian ini dijalankan di bawah Geran Penyelidikan Majlis Agama Islam Negeri Sembilan, 100-TNCPI/GOV 16/6/2 (0072024) yang bertajuk Kajian Tafsiran Semula Jenis-Jenis Zakat: Satu Analisis Kontemporari di Negeri Sembilan.

Rujukan

- Abdul Hamid Chin (2022). *Fahami Muamalat Seharian Anda*. Angkatan Pertama Daurah Fiqh Maahad Al-Musthofa. Al-Musthofa Publication. ISBN: 978-967-14264-5-6.
- Abdul Wahid, M. A., & Abdullah, M. (2017). *Pengurusan Zakat di Malaysia: Cabaran dan Potensi*. Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Abū Bakr bin ‘Alī al-Zabidi, *al-Jawharah al-Nayyirah Sharḥ Mukhtaṣar al-Qayduri*, vol. 1 (Bayrūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 2009), 285.
- Al-Qaradawi, Y. (1999). *Fiqh al-Zakat: A Comparative Study of Zakat, Regulations and Philosophy in the Light of Quran and Sunnah*. King Abdulaziz University. Saudi Arabia
- Al-Shirazi, Ibrahim bin ‘Ali. (1996). *al-Muhaddhab*, ed. Dr Muhammad Zuhaili, (Damsyiq: Dar al- Qalam), 2:458, 538, 560.
- Buang, A.H. & Hambali, K.M.K. (2004). *Bentuk dan Statistik Fatwa*. Dalam Ahmad Hidayat Buang (ed.), *Fatwa di Malaysia*, 117-141. Kuala Lumpur: Jabatan Syariah dan Undang-undang, APIUM.
- Muhammad Sabir, (2020), *Fiqh Zakat*, Cetakan Pertama, Desember 2020, BTN Bukit Indah, Sulawesi Selatan Indonesia.
- Yusuf Qardhawi, (2005), *Ibadah Dalam Islam, (Al-Ibadah fil Al-Islam)* (Terj. As’ad Yasin), Jakarta.
- Abdullah, M.Y., Mohamad, M.T., Yaakob, M.A.Z., Bhari, A. & Khalid, M., Md Ismail, M.A. (2023). Penentuan Zakat E-Sukan Menurut Perspektif Hukum Islam. *Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies*. 30(2). eISSN: 2289-9944.
- Abu Bakar, N. I., & Rahman, A. R. (2007). A Comparative Study of Zakat and Modern Taxation. *Jurnal Syariah*, 15(2), 95-106.
- Asharaf, M. (2018). Pendekatan Fiqh Terhadap Simpanan KWSP: Perbincangan Mengenai Kewajiban Zakat. *Journal of Islamic Finance and Business*, 6(2), 45-62.
- Hasan, Z. (2015). An Introduction to Collective Ijtihad: The Institutional Framework and Methodology. Islamic Research and Training Institute.
- Mohamed Shaarani, A.Z., Ahmad, R., Mohd Noor, A., & Mohammad, F. (2020). Zakat Dalam Mazhab Shafi’i: Analisis Kaedah Istinbat Hukum. *International Journal of Zakat and Islamic Philanthropy*. 2(1), p.201-209. eISSN: 2672-7471. ISSN: 2682-7530.

- Mohd Fauzi, H., & Norazlina, A. (2019). Pelaksanaan Zakat KWSP: Keperluan automasi dalam pengiraan zakat di Malaysia. *Jurnal Pengurusan Zakat*, 5(1), 12-25.
- Rosele, M.I. & Abdullah, L. (2021). Analisis Terhadap Keputusan Hukum Dan Fatwa Zakat Syarikat Di Malaysia. *Journal of Fatwa Management and Research*. Vol. 23. ISSN: 2232- 1047. eISSN: 0127-8886.
- Sabri, S. M., & Haron, M. S. (2016). Isu Zakat Ke Atas Simpanan KWSP di Malaysia: Pendekatan Syariah dan Perbandingan. *International Journal of Islamic Thought*, 8(3), 78-91.
- Yasin, M.M. (2007). Pengurusan dan Penyelarasan fatwa: Pelaksanaan dan Cabaran di Malaysia. *Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa*, 1: 119-135.
- Laman Web KWSP. Akad Simpanan Shariah.
<http://www.kwsp.gov.my/documents/20126/131466/akad-simpanan-shariah-bmfinal.pdf> (20 September 2024)
- Laman Web KWSP. Simpanan Shariah. <https://www.kwsp.gov.my/ms/ahli/akaun-pengguna/simpanan-shariah> (20 September 2024)
- Zaharuddin Abd Rahman (2016). Simpanan Syariah KWSP: Ulasan Tahap Orang Awam. <http://zaharuddin.net/sejarai-lengkap-artikel/3/1039-soalan-popular-simpanan-syariah-ulasan-tahap-orang-awam> (15 September 2024)
- Zaharuddin Abd Rahman (2024). Pakar Gesa Pencarum Islam KWSP 'Bersihkan' Dividen, Beralih Ke Syariah. <https://www.malaysiakini.com/news/698739> (18 September 2024)